

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

AWAS! INDIVIDU MENYAMAR PEGAWAI PENGUASA CIDB

KUALA LUMPUR, 18 Mei : Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengingatkan agar semua kontraktor binaan di seluruh negara berwaspada dengan individu-individu yang menyamar sebagai pegawai penguasa CIDB.

Ini berikutan terdapat laporan baru diterima CIDB daripada seorang kontraktor telah menerima panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai pegawai penguasa CIDB dengan meminta sejumlah wang dengan alasan bahawa ia adalah untuk menyelesaikan masalah pekerja asing syarikat tersebut.

Modus operandi baru sindiket penipuan ini adalah mengenal pasti syarikat kontraktor yang sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan kemudian menghubungi pengurus projek binaan tersebut dengan menyatakan mereka mempunyai bukti tentang kesalahan yang dilakukan syarikat berkenaan.

Individu yang menyamar sebagai pegawai penguasa CIDB itu kemudiannya mengarahkan kontraktor terbabit supaya mengeluarkan sejumlah besar bayaran, kononnya untuk meluluskan permohonan segera Kad Hijau pekerjaanya atau dikenakan kompaun lebih tinggi mengikut Akta 520 (Pindaan 2011) CIDB.

Di dalam kes ini, syarikat kontraktor tersebut mengambil langkah bijak untuk merujuk perkara ini terus kepada CIDB.

CIDB mengingatkan kontraktor dan personel binaan bahawa sebarang pembayaran kepada CIDB hanya boleh dilakukan di kaunter pejabat negeri atau cawangan CIDB ataupun melalui akaun CIDB.

Sekiranya digesa menerima panggilan daripada mana-mana individu yang mencurigakan, kontraktor diminta mendapatkan butir-butir lanjut pemanggil seperti nama penuh pemanggil, nombor telefon, alamat pejabat dan maklumat lain yang dianggap penting sebagai pengesahan.

Pada masa yang sama, catat nombor plat kenderaan yang dipandu dan mengambil gambar pegawai berkenaan jika perlu sekiranya individu atau mana-mana pihak ingin membuat penguatkuasaan di tapak bina.

Sebarang pertanyaan sila hubungi CIDB Careline di 1 300 88 CIDB (2432) atau CIDB cawangan negeri terdekat untuk membuat pertanyaan atau pengesahan.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867